KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	21.06.22	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	JPSM			

Kebun sayur di Tanah Tinggi Lojing punca limpahan Sungai Berook

Kota Bharu: Pembukaan kebun sayur-sayuran di Tanah Tinggi Lojing dikenal pasti menjadi punca limpahan Sungai Berook dan arus deras berhampiran Lojing, Gua Musang, minggu lalu.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK), Abdul Khalim Abu Samah, berkata limpahan yang berlaku bukan disebabkan aktiviti pembalakan.

Katanya, limpahan sungai turut berlaku di luar Hutan Simpan Kekal (HSK) Nenggiri tetapi dalam kawasan tanah kerajaan.

"Sungai melimpah dari kebun sayur di Tanah Tinggi Lojing dan bukan pembalakan kerana tiada pembalakan di kawasan itu sejak 2008.

"Saya menerima laporan daripada pegawai di Gua Musang dan ia berlaku di luar kawasan HSK. Limpahan air berlaku sebab kebun sayur dan itu di luar kawalan kita.

"Pada 17 Jun lalu, pegawai saya melihat keadaan selepas tular video di media sosial dan laporan akan dihantar kepada Menteri Besar (Datuk Ahmad Yakob) dalam masa terdekat," katanya selepas majlis perasmian Seminar Ekspedisi Saintifik Pergunungan Lojing Kelantan 2022 di sini, semalam.

Rakaman satu minit 50 saat tular pada 16 Jun lalu antara lain memaparkan limpahan Sungai Berook dekat Lojing yang keruh.

Dalam perkembangan lain, kerajaan negeri akan mewartakan kawasan pergunungan Tanah Tinggi Lojing sebagai pusat ekopelancongan selewat-lewatnya hujung tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan negeri, Mejar (B) Datuk Md Anizam Ab Rahman, berkata kawasan berkenaan mempunyai pelbagai produk pelancongan termasuk bunga Rafflesia dan produk pertanian.

"Kerajaan negeri akan bekerjasama dengan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) untuk menjadikan destinasi itu sebagai ekopelancongan dan pelancongan pergunungan.

"Kerajaan negeri berhasrat menubuhkan Mountain State Park di kawasan Lojing memandangkan lokasi itu mempunyai HSK di barat bersempadan Pahang dan Perak di sebelah timur.

"Kita belum tentukan kos kerana banyak proses perlu diteliti termasuk kerja penilaian kesesuaian kawasan, pemantauan risiko, implikasi pengurusan dan sebagainya.

"Langkah ini juga dapat mengekalkan HSK di lokasi berkenaan, sekali gus menambah kemampanan hutan yang ada," katanya.

BH210622_19